



SELAIN kerugian harta benda, banjir kilat turut melumpuhkan aliran lalu lintas di jalan-jalan utama di sekitar ibu negara.

Banjir kilat tiada kesudahan...

SETIAP kali mendengar bunyi guruh dilangit, pasti menimbulkan kegelisan buat ibu tunggal lima anak, Halimah Ahmad, 50.

Ini kerana dia terpaksa bersiap sedia bagi memastikan hujan benar-benar turun atau tidak di kawasan perumahannya di Perumahan Awam (PA), Taman Melati, Gombak Setia di sini.

Menurut Halimah, dia bukan sahaja terpaksa berjaga malam, malah perlu menggunakan kudratnya membersihkan lantai rumah yang dimasuki air akibat banjir kilat.

Itu cerita Halimah yang sempat dikongsi penulis ketika menemu-bual mengenai kebimbangannya serta penduduk lain berhubung banjir kilat yang sering melanda kawasan perumahan di situ empat tahun lalu.

Difahamkan banjir kilat di kawasan itu disebabkan sistem perparitan yang kurang baik dan gagal diselenggara pihak bertanggungjawab.

Kelmarin, penduduk di Jalan Marasah, Taman Melati, Gombak Setia dilanda banjir kilat. Terbayang bagaimana kelam kabutnya Halimah ketika kejadian.

Ini kerana rumahnya terletak betul-betul di hadapan Dewan Ser-



baguna Taman Melati yang ditenggelami air separas kira-kira satu hingga 1.5 meter itu.

Turut dilanda banjir kilat beberapa buah kawasan di Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat, selain beberapa jalan utama di ibu negara ditenggelami air.

Hanya Tuhan yang tahu derita mangsa. Bukan sahaja mengalami kerosakan dan kehilangan harta benda, bahkan nyawa pula terancam.

Dalam usaha merealisasikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia pada tahun 2020, isu ini perlu segera ditangani. Ini kerana sebuah bandar raya bertaraf dunia tidak hanya dilihat kepada kecanggihan bangunan pencakar langit, tetapi juga meletakkan aspek keselamatan dan kesejahteraan warganya di tahap terbaik.

Dalam hal ini, Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) dilihat sebagai agensi bertanggungjawab sepenuhnya dalam menangani isu ini.

Namun harus diingat isu banjir kilat ini tidak mampu ditangani sendirian oleh DBKL, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak. Ini termasuklah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora).

Bukan sahaja peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk membina lebih banyak sistem tebatan banjir dan membuat lelongan sungai, bahkan penggantian rumah pam yang sudah berusia perlu disegera.

Penulis percaya sistem perparitan di Kuala Lumpur sebenarnya adalah teratur dan terancang. Apa yang menyebabkan banjir kilat kerap berlaku ialah kerana saluran-saluran air tersumbat dek sampah sarap yang dibuang sesuka hati, ditambah pula kurang penyelenggaraan dan pemantauan berterusan daripada pihak bertanggungjawab.

Di samping itu kita sebagai warga kota juga mempunyai tanggungjawab bagi mengelakkan banjir kilat dengan tidak membuang sampah sesuka hati, walaupun hanya sehelai tisu.